

PERMOHONAN DIBUKA KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYA DAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

1. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: PENOLONG TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
Tier	: 2
Portfolio	: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Elaun Khas Pentadbiran	: RM1,250.00
Tempoh Pelantikan	: Satu (1) hingga tiga (3) tahun, tertakluk kepada kelulusan Pengurusan Universiti Malaya
Gred Permohonan	: Jusa C dan ke atas

2. SKOP TUGAS

MELAPOR KEPADA :

- (1) Pengurusan Tertinggi Universiti Malaya
- (2) Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Sebagai **Penolong Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)**, tuan/puan adalah dikehendaki melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana dinyatakan dalam Subseksyen 12(3) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 termasuklah:

- (1) Menentukan objektif dan hala tuju strategik kegiatan akademik dan jaringan global Universiti khususnya dalam meningkatkan reputasi dan memantapkan kedudukan Universiti sebagai institusi pengajian tinggi awam yang terpilih oleh pelajar, staf dan majikan di peringkat antarabangsa;
- (2) Meningkatkan visibiliti universiti dengan memastikan penglibatan aktif dalam forum strategi global, jalinan hubungan kerjasama serta pakatan;
- (3) Memberi kepimpinan untuk merealisasikan visi, misi dan nilai-nilai teras Universiti Malaya;
- (4) Urusan berkaitan urusan akademik, hubungan antarabangsa dan jaringan global termasuk:
 - (a) Merancang dan menentukan hala tuju strategik dalam kolaborasi dan kerjasama dengan badan persatuan, agensi dan institusi pengajian tinggi antarabangsa;
 - (b) Mempromosi dan meningkatkan jalinan hubungan kerjasama dengan universiti-universiti luar negara;
 - (c) Mewujudkan peluang yang lebih luas khususnya untuk mobiliti pelajar dan staf akademik dengan universiti-universiti luar negara;
 - (d) Berusaha dalam menonjolkan kepakaran, kemudahan dan personaliti yang ada di Universiti untuk menjadi rujukan universiti-universiti luar negara;

**PERMOHONAN DIBUKA KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYA DAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**

-
- (e) Berusaha menjadikan universiti sebagai pusat kecemerlangan yang menarik calon-calon pelajar dari luar negara untuk meneruskan pengajian mereka; dan
 - (f) Menilai keberkesanan program-program jaringan global dan pengantarabangsaan dari semasa ke semasa.
- (5) Merancang dan menyelaras hala tuju dan memantau fungsi-fungsi PTj di bawah pelaporan Penolong Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa); dan
 - (6) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan Naib Canselor dari semasa ke semasa.

3. CARA PERMOHONAN

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi beserta dokumen seperti berikut:

- (1) Mengisi *Leadership Curriculum Vitae* (Seperti format di lampiran); dan
- (2) Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi untuk portfolio jawatan sekiranya berjaya dilantik ke jawatan **Penolong Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)** yang diiklankan (dalam format PDF; maksimum 5 muka surat). Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi ini hendaklah disediakan dengan berpandukan kepada skop tugas yang telah diperincikan berdasarkan kompetensi dan keperluan jawatan.

Permohonan yang lengkap (*hard/soft copy*) hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Pn. Rumiza Ahmad

Pengarah

Pusat Pengurusan Organisasi & Governan, Portfolio Pendaftar

Aras 3, Canseleri

Universiti Malaya

50603, Kuala Lumpur, Malaysia

No. Tel. : +603-7967 3254 / 3478 / 7855

E-mel : ppog_pelantikan@um.edu.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 22 OGOS 2025 (JUMAAT) JAM 5.00 PETANG

PERMOHONAN DIBUKA KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYA DAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

4. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pusat Pengurusan Organisasi & Governan, Portfolio Pendaftar

Aras 3, Canseleri

Universiti Malaya

50603, Kuala Lumpur, Malaysia

No. Tel. : +603-7967 3254 / 3478 /7855

E-mel : ppog_pelantikan@um.edu.my